

PROSES , ASAS DAN MATERIAT PENUBUHAN PAS

2.0 Pengenalan.

PAS singkatan daripada Parti Islam Se Malaysia telah ditubuhkan pada 23hb. Ogos 1951 hasil daripada persidangan ulamak seluruh Tanah Melayu yang berlangsung di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur di bawah anjuran UMNO (United Malays National Organisation).

Nama asalnya ialah Persatuan Islam Sa Malaya dan dalam tahun 1959 telah ditukarkan namanya kepada Persatuan Islam Sa Tanah Melayu. Dalam tahun 1971 sekali lagi namanya ditukar kepada Parti Islam Se Malaysia. Walaupun begitu ia telah didaftarkan namanya sebagai Pan Malayan Islamic Party (PMIP) , iaitu satu nama yang dikenali umum sewaktu pilihanraya Persekutuan 1955.¹

Kelahiran PAS bertujuan untuk memandu masyarakat di negara ini ke arah menerima pemerintahan Islam di samping membebaskan umat Islam daripada belenggu penjajahan Barat dan jahiliyyah. Ragi mempastikan sama ada masyarakat Cina di Malaysia dapat menerima ideologi yang dibawa oleh PAS maka di sini faktor-faktor seperti sejarah penubuhan PAS , perkembangan , dasar dan matlamatnya haruslah dibentangkan untuk dibuat bahan perbincangan .

2.1 Sejarah Penubuhan PAS.

PAS lahir dari batang tubuh UMNO sendiri. Kelahirannya adalah atas inisiatif para ulamak yang berada di dalam Biro Agama yang ditubuhkan oleh UMNO. Untuk mengetahui sejarah penubuhannya, penulis akan menghuraikan bagaimanakah munculnya kesedaran politik di kalangan orang Melayu, latar belakang cita-cita penubuhan PAS dan bagaimanakah proses berlakunya PAS sebagai sebuah parti politik.

2.1.1 Kesedaran Politik Bangsa Melayu.

Kedatangan penjajah ke Tanah Melayu bermula dengan kejatuhan kerajaan Islam Melaka dalam tahun 1511 M. Akibat kejatuhan ini, jajahan-jajahan takluk Melaka berpecah menjadi negeri-negeri kecil dan sultan-sultan bagi tiap-tiap negeri itu yang dahulunya di bawah kekuasaan Melaka sebagai negara 'federal', telah menguasai sendiri negeri masing-masing.
2

Bagi umat Islam di Tanah Melayu, kemaraan penjajah Barat merupakan keruntuhan tamadun kemanusiaan yang agung yang dibina oleh Islam sejak dari zaman nabi Muhammad S.A.W. Oleh yang demikian mereka perlu kepada lahirnya satu kesatuan yang didasarkan melalui ruh Islam bagi menentang penjajahan Barat.

Penentangan terhadap penjajahan secara nyata dimulakan dengan gerakan kesedaran, kerana punca terbesar daripada

kejayaan penjajah menguasai umat Islam dan negara mereka adalah kerana kelemahan dan keruntuhannya tamadun Islam dari dalam dan masyarakat mereka sendiri atau apa yang diistilahkan oleh Malik Ben Nabi sebagai 'Qabiliyyatun Lil-isti'mar' iaitu keadaan yang tersedia untuk menerima penjajahan.³

Kepulangan beberapa orang pelajar yang telah menamatkan pengajiannya dari Timur Tengah seperti Sayid Syaikh AlHadi, Syaikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Bin Mohd. Tarhar dan lain-lain telah menggerakkan usaha dan perjuangan islah bagi menentang penjajah. Gerakan ini bermula kira-kira

dalam dekad pertama kurun ke 20 masihi.⁴ Pada umumnya golongan islah Islam ini adalah terdiri daripada golongan terpelajar yang tidak puas hati dengan keadaan masyarakat Islam yang dhaif pada ketika itu.

Bibit kesedaran yang ditanam oleh Gerakan Islah Islam ini telah mendorong masyarakat Melayu dan Islam khasnya menukuhan berbagai-bagai persatuan untuk memajukan bangsa serta membebaskan negara dari belenggu penjajah.

Kesatuan Melayu Muda (KMM) adalah persatuan ataupun pertubuhan yang pertama sekali ditubuhkan. Ia telah dibuktikan dalam tahun 1937 oleh Ibrahim B. Yaakob dan rakan-rakannya. Bagaimanapun KMM telah diharamkan oleh Jepun pada bulan Jun 1942, sewaktu pemerintahan Jepun di Tanah Melayu

(1941 - 1945).⁵

Selepas perang Dunia Kedua tamat , di dalam suasana menuntut kemerdekaan , Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin AlHelmi , Mukhtar ud-Din Lasso dan Ishak Haji Muhammad (Pak Saku) telah ditubuhkan. Parti tersebut telah ditubuhkan di Ipoh , Perak pada tahun 1945.⁶

Usaha Dr. Burhanuddin serta rakan-rakannya menggembeling tenaga yang cintakan kemerdekaan telah melahirkan suatu gabungan perjuangan yang besar di dalam bentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) yang kelahirannya banyak diinisiatifkan oleh pemimpin Angkatan Pemuda Insaf (API) , Ahmad Boestamam. PUTERA telah menggabungkan berbagai pergerakan yang terdiri daripada PKMM , API , BATAS (Barisan Tani Se Malaya yang dipimpin oleh Musa Ahmad) , AWAS (Angkatan Wanita Sedar yang dipimpin oleh Shamsiah Fakih) , MATA (Majlis Islam Tertinggi Se Malaya yang dipimpin oleh Ustaz Abu Bakar AlBakir) dan GERAM (Gerakan Angkatan Muda yang dipimpin oleh Aziz Ishak dan A. Samad Ismail di Singapura).⁷

Setelah Jepun menyerah kalah (tamat Perang Dunia ke Dua) kepada British dalam tahun 1945 , maka pada 10 Oktober 1945 Parlimen Inggeris telah menghantar Sir Harold Michael untuk mendapat persetujuan sultan-sultan Melayu bagi memperkenalkan Malayan Union di Persekutuan Tanah Melayu. Dengan terbentuknya Malayan Union maka kedudukan sultan-sultan Melayu terancam dan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu

juga akan terhapus. Oleh kerana itu Cagasan Malayan Union telah membangkitkan kesedaran semangat nasionalisme atau politik di kalangan orang-orang Melayu.

Orang-orang Melayu yang berpelajaran tinggi dan golongan-golongan elit serta bangsawan telah bersatu dalam satu kongres orang-orang Melayu. Kongres ini diadakan pada 1 Mac 1946 di Kuala Lumpur yang dihadiri oleh 40 buah pertuan. Hasilnya lahirlah United Malay Organisation (U.M.O) yang dipimpin oleh Dato' Onn Bin Jaafar.⁸ Pada 11 Mei 1946 perlembagaan UMO dibubarkan dan diganti dengan nama UMNO (United Malay National Organisation).

Di zaman kebangkitan semangat kebangsaan , maka UMNO tidak boleh dari daripada matlamat perjuangannya ke arah memperjuangkan fahaman kebangsaan di kalangan orang-orang Melayu. Bagaimanapun pada ketika itu UMNO telah mendapat sokongan dari sultan-sultan Melayu dan bangsa Melayu secara keseluruhan-nya termasuk para 'alim ulama'. Untuk mengimbangi fahaman kebangsaan dan Islam, maka UMNO telah menubuhkan Biro Agama yang diterajui oleh golongan ulamak dan cendekiawan Islam . Namun begitu akhirnya golongan ulamak dalam UMNO tidak begitu bersetuju dengan para pemimpin UMNO dalam banyak perkara.

Pada 14 hb. Mac 1948 Majlis Agama Tertinggi SeMalaya (MATA) telah menganjurkan satu kongres rakyat yang diadakan di Gunung Semanggol, Perak. Pada hari kedua Kongres tersebut, Ustaz Abu Bakar AlBakir , Pengetua AlIhya' Ash-Syarif mencadangkan supaya ditubuhkan parti politik Islam dan ianya telah mendapat sokongan daripada Dr. Burhanuddin. Dalam sidang itu telah diputuskan penubuhan sebuah parti baru dengan nama ' Hizbul Muslimin ' atau ringkasnya HAMIM. ⁹

Pada 16 hb. Jun 1948 pihak berkuasa British telah mengisytiharkan darurat. Parti-parti yang berhaluan kiri telah diharamkan termasuklah PKMM , iaitu pada tahun 1950. ¹⁰

Walaupun pada ketika itu Hizbul Muslimin (HAMIM) tidak diharamkan tetapi oleh kerana kelantangan Dato' Onn pada ketika itu menentang HAMIM , maka penjajah telah memberi sokongan yang penuh kepada Dato' Onn bagi melumpuh secara menghancurkan pergerakan HAMIM. Perlaksanaan undang-undang Darurat telah memberi kesempatan kepada penjajah untuk menangkap dan menahan beberapa orang pemimpin HAMIM . Ini telah menyebabkan parti itu lumpuh dengan sendirinya. ¹¹

Kelumpuhan HAMIM ini telah memberi peluang kepada UMNO untuk menguasai politik orang Melayu. Sungguhpun HAMIM tidak dapat diteruskan, namun ianya merupakan asas dan jambatan kepada pembentukan parti Islam dalam arena politik tanahair pada ketika itu. Dari sinilah bermulanya teknik tolak kesedaran orang-orang Melayu untuk menubuhkan PAS.

2.1.2 Latarbelakang Cita-cita Penubuhan PAS.

PAS diasaskan pada mulanya oleh ulamak-ulamak yang menyertai UMNO yang bermula daripada dilema 'loteri UMNO', terutamanya oleh Pengurus Badan Agama UMNO Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan yang tegas mengharamkan amalan loteri itu. Kemudian diperkuatkan tekanan pengharamannya oleh dua orang ulamak yang lain iaitu Tuan Syekh Abdullah Fa'him dari Seberang Prai dan Syekh Fadhlullah Suhaimi dari Singapura.¹²

Ulamak-ulamak yang menyertai UMNO pada ketika itu telah mengambil daya usaha dalam kesempatan kekosongan parti politik lain untuk menubuhkan sebuah badan kebaikan yang mempunyai latarbelakang yang tersirat bernaung langsung di

bawah ri'ayat. UMNO dengan menggunakan nama ta jaannya ' Per-
tubuhan Ulamak Se Malaya'.

13

Penubuhan Pertubuhan Ulamak SeMalaya dilatarbelakangi
oleh dua sebab ; Sebab zahir dan sebab yang tersembunyi :

14

1. Sebab zahir yang dikemukakan kepada Majlis Tertinggi UMNO hingga persetujuan diberikan kepada ulamak-ulamaknya untuk menubuhkan Pertubuhan Ulamak SeMalaya yang bersifat kebijakan itu ialah :

- a) Supaya dapat menyatukan seluruh orang-orang Melayu yang belum lagi berpertubuhan politik dan orang-orang Islam rakyat Persekutuan dalam UMNO atau di bawah ri'ayah dan pimpinan UMNO ,
- b) Sebagai badan persediaan buat menggantikan UMNO yang mulai menuntut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu setelah tertolaknya Malayan Union sebagaimana badan-politik yang lain kerana kemungkinan UMNO juga akan diharamkan oleh pihak penjajah British ,
- c) Bagi membantu UMNO dalam perkara-perkara agama (Islam) terutamanya untuk menyatukan pentadbiran Majlis-Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Persekutuan Tanah Melayu .

2. Sebab-sebab yang tersembunyi (tersirat) dalam hati para ulamak itu ialah :

a) Merasa khuatir dan himbang dengan gerak perjalanan UMNO ketika itu yang berleluasa dengan kerja-kerja atau usaha-usaha yang melanggar adab dan tatususila Islam. Dengan adanya Pertubuhan Ulamak itu , diharap akan dapat menekan pucuk pimpinan UMNO atau sekurang-kurangnya mengurangkan keluasan seumpama itu akibat daripada faham kebangsaan yang melulu ,

b) Sekiranya terjadi perbalahan antara pihak pucuk pimpinan yang berfahaman kebangsaan (nasionalisme) melulu dengan pihak yang lebih cenderung kepada Islam dan ingin menghormati adabnya , maka Pertubuhan Ulamak itu akan berpisah dan berjalan sendiri mengikut perlembagaan dan peraturannya.

Sungguhpun Pertubuhan Ulamak yang dicadangkan itu disetujui oleh Majlis Tertinggi UMNO sebagai sayap UMNO dan ditadbirkan di bawah payung UMNO , namun sudah dikemukakan pada waktu itu pandangan supaya kedudukan persatuan yang di-

cadangkan akan menuju ke arah pembentukan satu parti yang bebas dan berpengaruh seperti Mashumi di Indonesia .¹⁵

2.1.3 Proses Penubuhan PAS sebagai Parti Politik.

PAS mengalami krisis sejak awal-awal proses penubuhannya. Parti itu yang dahulunya dikenali sebagai Pertubuhan Ulamak SeMalaya sebenarnya diasaskan dari sayap UMNO, dianggotai oleh para ulamak UMNO sendiri ketika itu .

Proses penubuhannya bermula dari satu perselisihan faham sesama anggotanya dari sayap UMNO itu dalam tahun - tahun 40-an. Perselisihan faham ini berpunca daripada si kap pemimpin Tertinggi UMNO pada ketika itu yang telah menganjurkan ' loteri UMNO'. Kewujudan 'loteri' telah mendapat tentangan dan kritikan yang hebat daripada ulamak-ula mak UMNO. Aktiviti-aktivitiya bagaimanapun tidaklah memperlihatkan sebagai sebuah badan berasingan melainkan sebagai mewakili badan induknya , UMNO .

Pada 21 dan 22 hb. Februari 1950 , bertempat di Muar Club, Johor telah diadakan satu persidangan ulamak yang pertama kali dalam sejarah. Seramai 52 orang perwakilan dan 300 orang pemerhati hadir. Semua negeri menghantar perwakilan masing-masing kecuali Pahang.¹⁶

Di antara isu-isu yang dibincangkan termasuklah usaha menyelaraskan Jabatan-Jabatan Agama di negeri-negeri, kesultanan jemah-jemaah haji ke Mekah dan penubuhan sebuah kolej Islam.

Salah satu keputusan diambil ialah untuk menubuhkan sebuah badan di dalam UMNO. Nama yang dicadangkan ialah Persatuan Ulamak SeMalaya. Haji Ahmad Fuad , seorang sahabat Dato' Onn Jaafar sebagai pemimpinnya. Penubuhan Persatuan Ulamak ini , menurut pandangan UMNO ialah untuk menjadikannya sebagai badan bertindak bagi menentang golongan ulamak di luar UMNO iaitu Hizbul Muslimin.¹⁷

Dengan persetujuan dan kelulusan menubuhkan Persatuan Ulamak itu, beberapa perjumpaan atau perhimpunan an-

tara ahli-ahli UMNO sendiri bagi membincangkan serta menu-
buhkannya telah diadakan di Johor, Perak dan Kuala Lumpur
(Selangor) dan berhasil membentuk sebuah Panitia Penaja un-
tuk melaksanakannya. Panitia Penaja Persatuan Ulamak itu
terdiri daripada : 18

1. Al-Fadhil Ustaz Hj. Ahmad Fuad Hassan - Pengurus.
2. Al-Fadhil Ustaz Hj. Ahmad Maliki - Setiausaha.
3. Al-Fadhil Ustaz Hj. Ahmad Badawi Abdullah - Anggota.
4. Al-Fadhil Us. Hj. Md Ghazali Abdullah - Anggota.
5. Al-Fadhil Tuan Guru Hj. Ahmad Tuan Husain - Anggota.
6. Al-Fadhil Us. Tuan Hj. Mansor J.P - Anggota , serta
anggota-anggota lain yang tidak dapat dikesan oleh
penulis nama mereka.

Bagaimanapun dalam peringkat ini , badan itu dikira
terasing dari gerakan politik kepartian. Ianya semata-mata
untuk gerakan dakwah di kalangan para ulamak UMNO sendiri .
Dalam pada itu penulis beranggapan bahawa soal-soal politik
mula menular ke dalam gerakan ulamak di dalam pertubuhan
itu. Ini kerana ianya dicetuskan oleh satu badan yang ber-
tungsi kepada parti politik.

Dalam bulan Jun 1951 , mesyuarat tahunan parti UMNO telah dilangsungkan di Kepala Batas , Pulau Pinang. Dalam mesyuarat inilah nama Persatuan Ulamak SeMalaya diubahsuaikan dengan nama baru iaitu Persatuan Islam SeMalaya atau ringkasnya PAS. Di mesyuarat itu juga para perwakilan telah mencadangkan supaya PAS dikenalkan sebagai gerakan agama tanpa melibatkan secara langsung unsur-unsur politik di dalamnya.¹⁹

Selepas berlakunya persidangan ulamak yang pertama di Johor , maka jawatankuasa Tertinggi UMNO telah memutuskan dalam mesyuaratnya untuk mengadakan Persidangan Ulamak seluruh Tanah Melayu pada 23 Ogos 1951 , bertempat di Kelab Sultan Sulaiman , Kuala Lumpur.

Maka pada 23 Ogos 1951 berlakulah Persidangan Ulamak itu dengan dihadiri oleh seramai 65 orang perwakilan dari wakil-wakil cawangan UMNO , Majlis Agama Islam negeri dan pertubuhan-pertubuhan lain. Dari sinilah lahirnya satu keterangan untuk menjadikan PAS sebagai sebuah badan politik yang terpisah dari UMNO iaitu berubah haluannya dari kegiatan-kegiatan keagamaan sahaja kepada soal-soal politik tanahair.

Proses mendaftarkan badan itu sebagai sebuah parti politik juga telah dilakukan. Sehari sebelum hari penamaan calon bagi pilihanraya umum 1955 , pendaftarannya telah diluluskan oleh pihak pendaftar pertubuhan. Maka sejak dari itu lahirlah PAS sebagai sebuah parti politik yang sah.

21

Setelah penubuhan Persatuan Islam SeMalaya (PAS) disahkan dengan resminya pada 23 Ogos 1951 sebagai sebuah parti politik , maka persidangan tersebut telah memilih Jawatankuasa Agung PAS yang pertama. Mereka terdiri daripada:

22

1. Yang Dipertua Agung - Us. Hj. Ahmad Fuad Hassan.

2. Timbalan Yang Dipertua - Us. Hj. Md Ghazali Abdullah

3. Setiausaha Agung - Us. Hj. Ahmad Maliki.

4. Bendahari Agung - Hj. Ahmad Tuan Husain .

5. Ahli Jawatankuasa Agung :

a) Us. Hj. Ahmad Badawi Abdullah.

b) Us. Abdur Rahman al Jempuli.

c) En. Mohohamad Hanif.

d) Us. Hj. Zabidi Ali.

e) En. Mohamad Majzub.

f) Tuan Hj. Mansor J.P.

- g) En. Othman Ta'at.
- h) Us. Hj. Ahmad Long.
- i) Tuan Guru Hj. Yahya Junid.
- j) Tuan Guru Hj. Md Nur Mahyuddin.
- k) Tuan Guru Hj. Husain Chek Dol.
- l) Tuan Guru Hj. Abdul Wahab KL.
- m) Tuan Hj. Ash'aya Abdul Majid.
- n) Tuan Fakih Md. Nor.

2.2 Matlamat Dan Dasar PAS.

PAS berbeda dengan parti-parti ataupun pertubuhan - pertubuhan lain , tidak didasarkan pada konsep kebangsaan dan ras , melainkan semata-mata berdasarkan ideologi dari al-Quran dan Sunnah. Selama ini umat Islam di Tanah Melayu khasnya belum lagi mempunyai pandangan yang konkret mengenai cara dan corak pemerintahan serta lembaga-lembaga yang akan memberi sumbangan ke arah satu kerajaan yang bersifat 'islam miyyah' dan sekaligus sesuai dengan keperluan masa kini .

Menurut Ustaz Hj. Maliki, salah seorang pengasas PAS menyatakan bahawa penubuhan PAS pada akalnya adalah seperti berikut :

23

- a) Sebagai satu pertubuhan kebaikan yang bersatu dalam pertubuhan itu daripada ulamak-ulamak dan orang-orang Islam rakyat Persekutuan berkedudukan di bawah UMNO , diharap akan dapat menasihat dan menekankan pucuk pimpinan UMNO atau sekurang-kurangnya mengurangkan keleluasan UMNO daripada melakukan amal usahanya yang melanggar batas-batas hukum syara' serta adab susila Islam seumpama menganjurkan loteri , mengadakan 'fun fair' dan sebagainya yang mengotorkan kesucian Islam.
- b) Sebagai badan persediaan bagi gerakan menuntut kemerdekaan jika takdirnya UMNO pula diharamkan oleh penjajah British, seperti yang dihadapi oleh PKMM dan Hizbul Muslimin yang berjuang menuntut kemerdekaan ; sebab UMNO pun pada ketika itu berjuang menuntut kemerdekaan yang sama.
- c) Selain daripada itu beberapa orang ahli penajanya akan menarik keluar pertubuhan ulamak ini berpisah daripada UMNO sekiranya pucuk pimpinan tidak menerima atau enggan menurut nasihat-nasihat dari para ulamaknya daripada melanggar dasar Islam atau adab susila yang akan merendah -

kan mutu kehormatan dan kesucian Islam .

Matlamat penubuhan PAS sebagaimana yang termaktub di dalam perlembagaan undang-undang cubuhnya Calam fasal 5 :

- " 1) Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah,
- 2) Mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara. "

Prof. Dr. Burhanuddin Al-Helmi di dalam muktamar PAS ke 9 , dalam tahun 1960 mengatakan :

"Sudah kita buktikan kepada orang yang ingin insaf bahawa PAS menjalankan peranan yang penting dalam politik negara ini. Rakyat sudah faham bahawa bagi PAS hukum Allah S.W.T sahaja yang menjadi matlamat dan kebijakan mereka yang menjadi tujuan. " 24

"...Langkah kita sekarang ialah meluaskan pengaruh kita pada semua tempat dan membawa rakyat kepada pemahaman politik kita yang benar-benar memperjuangkan kepentingan rakyat dan hak mereka. Kita tahu parti Perikatan sudah lemah pengaruhnya dan akan hancur ditimpa kesalahan-kesalahan yang besar dan nyata di dalam politiknya..." 25

Memenuhi tuntutan bagi menegakkan pemerintahan Islam sebagaimana yang dicita-citakan oleh PAS adalah berdasarkan

kepada firman Allah :

وَلَكُمْ يُؤْتَى مَا تَعْمَلُونَ
وَلَا يُؤْتَى الظَّالِمُونَ

Maksudnya : " Dan hendaklah ada di kalangan kamu golongan umat yang menyeru kepada kebajikan , menyeru melakukan yang makruf dan melarang dari melarang dari melakukan kemungkaran, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kejayaan".²⁶

Penyelesaian secara Islam mesti didahului oleh wujudnya gerakan Islam yang sedar dan insaf , yang menyediakan suasana dan menyeru orang ramai agar menerima konsep perjuangan di samping mengeluarkan para penyokong dan pendukung harakah.²⁷ Oleh kerana ituiah PAS lahir sebagai satu organisasi demi untuk mencapai kepada matlamat yang mulia iaitu keredhaan Allah.

Di dalam muqaddimah Perlembagaan Parti Ialam SeMalaya (PAS) dinyatakan penekanan tentang konsep amar makruf, nahi mungkar :

" Bahawa dengan sesungguhnya adalah diisytiharkan, demi untuk menyempurnakan taqwa kepada Allah dan kebaktian sesama manusia, yang dijadikan bagi menegakkan AL AMRU BIL MA'RUF WAN NAHYU ANIL MUNGKAR dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara , maka inilah diisytiharkan sebuah pertubuhan yang di namakun ' PARTI ISLAM SE MALAYSIA ' . "

Di awal-awal penubuhan PAS , sikap dan corak perjuangan PAS pada ketika itu lebih menekankan kepada semangat nasionalisme Melayu di samping menuntut kemerdekaan. Ini boleh dilihat di dalam beberapa siri ucapan Dr. Burhanuddin sendiri selaku Yang Dipertua PAS di Muktamar Agung parti itu pada 24hb. Ogos 1957 , di mana beliau menyebut :

"...bahawa dasar pokok perjuangan kita ialah kemerdekaan yang penuh..."²⁸

Beliau antara lain menyebut rangka-rangka perjuangan parti PAS :

- " 1. Kebangsaan negeri ini mestilah Melayu,
- 2. Mestilah diakui bahawa bangsa Melayu adalah tuan punya negeri ini,
- 3. Untuk membina satu bahasa, satu negara dan satu bangsa yang teguh hanya diakui bahawa Bahasa Melayu sahaja menjadi bahasa resmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal di negara ini,
- 4. Islam menjadi agama resmi dalam erti kata yang betul pada ajaran al-Quran dan Sunnah , dan
- 5. Menentang dasar 'jos soli iaitu dasar yang memberikan kerakyatan kepada sesiapa sahaja yang dilahirkan di negara ini. "

Untuk memenuhi tuntutan-tuntutan sebagaimana yang dicita-citakan oleh pucuk pimpinan PAS , maka usaha-usaha telahpun digariskan dan termaktub di dalam Perlembagaan PAS:²⁹

- a.) Menyeru umat manusia kepada Syariat Allah dan Sunnah Rasulnya melalui dakwah secara lisan , tulisan dan amalan.
- b.) Memperjuangkan Islam sebagai aqidah dan syariah serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai keislaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang termasuk pemerintahan dan pentadbiran , ekonomi dan sosial serta pelajaran dan pendidikan.
- c.) Memupuk dan memperkuatkan ukhwah Islamiah dan menyuburkan rasa perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkebijakan.
- d. Mengajak dan menggalakkan badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang perseorangan bagi mengenali dan memahami serta memperjuangkan konsep dan pandangan hidup Islam.
- e.) Menyediakan rencana-rencana dan bertindak bagi memperbaiki susunan serta institusi-institusi masyarakat, bentuk politik dan keadilan ekonomi negara , untuk membela kepentingan umat Islam dan rakyat seluruhnya.
- f.) Menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan , persatuan-persatuan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS

bilamana dan selama tanya mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara.

- g) Mempertahankan Bahasa Malaysia sebagai bahasa resmi negara yang tunggal dalam amalannya di samping berusaha menggembeling tenaga bagi mengembangkan bahasa al-Quran.
- h) Memperjuangkan wujudnya kebudayaan negara berdasarkan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam.
- i) Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan tanggongjawab mewujudkan keharmonian antara kaum di dalam negara ini.
- j) Menyertai dan bekerjasama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak-hak asasi manusia serta menghapuskan segala macam kezaliman , kepalsuan , perhambaaaan , dan penindasan di kalangan umat manusia.
- k) Melakukan apa-apa juu usaha dan tindakan dalam batas-batas perlombagaan dan undang-undang negara bagi mencapai semua tujuan-tujuan PAS ke dalam dan keluar .

Tuan Haji Yusof AlRawi telah menjelaskan di dalam ucapan dasarnya di MUktamar Agung PAS ke 33 tentang matla-

mat sebenar perjuangan PAS dalam konteks dunia masa kini :

" Perjuangan kita bukan hanya sebagai pertubuhan kebajikan yang bergiat memungut derma... Perjuangan kita bukan hanya perjuangan pertubuhan ilmiyyah yang hanya menulis huku , membuat kajian dan mengadakan seminar-seminar ilmiyyah... Perjuangan kita bukan perjuangan pertubuhan kebudayaan yang hanya berjuang untuk menukar bentuk pakaian, hiasan-hiasan dan adat istiadat sahaja ". 30

" Perjuangan Parti Islam SeMalaysia (PAS) ialah perjuangan untuk mengubah waqi' atau realiti masyarakat manusia yang ada sekarang ini terkongkong dalam arahan dan jaringan peradaban jahiliyyah... Pengislaman bukan satu proses tanpa asas atau slogan politik murakan untuk mendapat sokongan , sedangkan slogan itu tidak membawa apa-apa perubahan kepada realiti jahiliyyah yang ada. Pengislaman yang sebenar ialah satu proses perubahan menuju pembebasan daripada 'hadarah assabiyyah yang menggerakkan kehidupan kepada pembentukan hadarah Islamiyyah dengan keupayaan iman, fikrah, ilmu , amal . akhlak dan tanzim yang menyeluruh"31

Walaupun demikian matlamat dan dasar perjuangan PAS adalah banyak bergantung kepada corak kepimpinan yang diterajui oleh para pemimpinnya yang dipilih melalui perwakilan dari semasa ke semasa. Begitu juga dengan pendekatan yang digunakan adalah banyak bergantung kepada masalah semasa yang berlaku di negara kita. Perubahan yang ketara ini dapat kita lihat pada corak kepimpinan yang ditonjolkan di zaman Dr. Burhanuddin AlHelmi yang lebih menekankan kepada se-

mangat kemelayuan dan kemerdekaan , di zaman pimpinan Datuk Mohd. Asri yang pada pendapat penulis lebih banyak memperjuangkan kepentingan diri dan keluarga , dan di zaman selepas kejatuhan Asri di mana ia adalah merupakan satu era kebangkitan Islam di bawah kepimpinan ulamak yang telah banyak membawa perubahan dari segi sikap dan corak kepimpinan di dalam PAS .

2.3 Organisasi PAS (Majlis Syura Ulamak).

Dasar PAS ialah Islam.³² Sebagai sebuah organisasi Islam yang terbesar di negara ini, PAS mempunyai corak dan struktur organisasi yang agak berbeza dengan pertubuhan-pertubuhan lain. Kelainan ini dihubungkan dengan penubuhan Majlis Syura Ulamak.

Organisasi tidak dapat dipisahkan dengan kepimpinan. Kepimpinan walaupun mempunyai pengertian yang ada hubungkaitnya dengan pemimpin dan memimpin , namun ianya mempunyai kedahnya yang tersendiri kerana ia membawa maksud yang lebih kompleks daripada pemimpin dan memimpin. Walaupun setiap pertubuhan itu mempunyai struktur organisasinya yang mungkin

tidak berbeza dengan lain-lain pertubuhan, konsep pimpinan-nya mungkin jauh berbeza.

Ada pertubuhan yang membawa konsep kekuasaan yang terletak di atas batang tubuh ketuanya (atau Presiden) atau setiausaha , ada pula yang terletak ke atas jawatankuasa-nya secara kolektif dan ada pula yang membahagi-bahagikan kuasa di antara pemegang-pemegang utama jawatankuasanya. ³³

Pimpinan di dalam PAS berdasarkan kepada konsep syura. 'Syura' adalah konsep demokrasi mengikut kaedah Islam di mana kelayakan pemimpin-pemimpinnya itu ditentukan ter-lebih dahulu. Mereka yang layak untuk menjadi pemimpin-pe-mimpin utama itu ditentukan mengikut : ³⁴

- a. Ketuaannya (mengikut umur).
- b. Ilmunya.
- c. Keikhlasannya iaitu tidak wujud sifat mementingkan diri sendiri.
- d. Kebersihannya dari segi melakukan dosa-dosa.
- e. Pengalaman di dalam perjuangan.
- f. Populariti yang boleh diterima.

Syura yang dimaksudkan di sini adalah syura dalam konteks

pemilihan-pemilihan yang dijalankan oleh PAS bagi melantik ahli-ahli ke MAJLIS SYURA ULAMAK sebagaimana yang termak-tub di dalam Perlembagaan PAS.

Konsep syura ini dititikberatkan di dalam Perlembagaan PAS adalah bertujuan untuk menjaga ukhuwah sesama ahli-ahli pimpinan kerana konsep pimpinan yang ada di dalam organisasi PAS berdasarkan kepada prinsip perlembagaannya adalah merupakan satu pengabdian diri kepada Allah, dan menerima apa juar jawatan itu merupakan satu amanah yang dihubungkaitkan dengan dosa dan pahala.

Fasal 7 (3) , Perlembagaan PAS ada menyebut :

"...dan tidak berlawanan dengan dasar PAS seperti yang diperuntukkan dalam fasal 3 Perlembagaan ini , maka hendaklah ditubuhkan sebuah majlis yang dinamakan .. ' Majlis Syura Ulamak ' ".

Manakala kuasa-kuasa yang diberikan kepada Majlis Syura Ulamak sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan

35

PAS adalah seperti berikut :

a. Menghurai, menjelas dan mentafsirkan dasar PAS dan mananya peruntukkan di dalam perlembagaan ini yang menim-

bukan kesamaran mengenai maksud dan tujuannya dan membuat ketetapan mengenainya.

b. Mengeluarkan arahan dan perintah supaya dasar dan ketetapan itu dipatuhi dan dilaksanakan oleh mana-mana pihak atau badan di dalam PAS dan mengawasi serta memelihara supaya dasar dan ketetapan serta kehendak-kehendak dalam perlombagaan ini dipatuhi dalam kegiatan, gerakan dan pentadbiran PAS.

c. Memelihara , menjaga dan mengawal tatatertib PAS dan melantik ahli-ahli Jawatankuasa Tatatertib PAS seperti yang diperuntukkan dalam fasal 75 Perlembagaan PAS.

36

Pimpinan Syura di dalam PAS bukan sahaja memberikan pimpinan , membuat arahan dan teguran , tetapi sebaliknya mempunyai kesanggupan pula untuk menerima pandangan yang benar daripada bawah dan sanggup ditegur walaupun pahit bagi- nya untuk menerima (ini adalah merupakan dari segi prinsipnya sahaja) .

37

Walau bagaimanapun terdapat pertindihan kuasa dan kekaburuan dari segi pembuat dasar di dalam memutuskan sesu-

atu perkara yang melibatkan batang tubuh PAS itu sendiri .

Ini adalah kerana di dalam organisasi PAS itu sendiri wujud dua lagi kekuasaan tertinggi selain daripada Majlis Syura Ulamak. Kekuasaan itu terdiri daripada Muktamar Agung tahunan PAS yang mana setiap perwakilan dari seluruh ranting-ranting PAS mempunyai suara dan kuasa untuk membentuk sesuatu dasar atau ketetapan. Dan yang keduanya ialah Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

Fasal 22 (Perlembagaan PAS) :

" Jawatankuasa Kerja PAS Pusat itu ialah :

- a) Seorang Yang Di Pertua,
- b) Seorang Timbalan Yang Di Pertua,
- c) Dua orang Naib Yang Di Pertua,
- d) Tiga orang Ketua-Ketua Dewan (Dewan Ulamak , Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat),
- e) Seorang Setiausaha Agung,
- f) Seorang Ketua Penerangan ,
- g) Seorang Bendahari , dan
- h) Lapan belas orang ahli Jawatankuasa PAS Pusat. "

Manakala tugas dan fungsi Jawatankuasa Kerja PAS Pusat ini pula sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan PAS , antara lainnya ialah :

- 1) Bertanggongjawab bagi melaksanakan pentadbiran, gerakan dan kegiatan PAS bagi mencapai tujuan-tujuan yang termaktub di dalam Perlembagaan PAS .

- 2) Bertanggongjawab ke atas semua kerja dan urusan Jawatan-kuasa Kerja PAS Pusat serta menyelaraskan tugas-tugas Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.
- 3) Melantik Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS negeri dan Wilayah Persekutuan dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

Ini bermakna bahawa peranan dan kuasa yang boleh dimainkan oleh Majlis Syura Ulamak dan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat adalah sama dan tidak ada satu penjelasan ataupun satu ketetapan bagi menyatakan yang mana satukah yang lebih berkuasa bagi memutuskan perkara-perkara dasar sama ada dari Majlis Syura Ulamak ataupun dari keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.

Di samping itu juga Muktamar dan Mesyuarat Agung PAS juga mempunyai tugas dan peranannya yang tidak boleh diperlakukan oleh mana-mana pihak. Ini adalah kerana Muktamar Agung PAS adalah dihadiri oleh semua perwakilan PAS dari sebarang kawasan. Muktamar juga berhak membahaskan usul-usul dan resolusi-resolusi serta peranannya yang paling penting sekali ialah memilih Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja seperti

yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan PAS. Ini bermakna bahawa Majlis Syura Ulamak yang baru diluluskan penguatkuasaannya oleh Pendaftar Pertubuhan dalam tahun 1986 untuk dijadikan sebagai salah satu organisasi penting dalam PAS dan adalah amat kabur boleh dikatakan kurang berfungsi dari segi praktiknya. Sehingga ke hari ini penulis mendapati kewujudan Majlis Syura Ulamak di dalam PAS tidaklah banyak memberi apa-apa kesan terhadap arah perjuangan dan corak kepimpinan di dalam PAS.

NOTA KAKI :

1. Kamaruddin Jaffar , Malay Political Parties dalam Southeast Asian Affairs , 1979 , hal 213.
2. Lihat Lotfi Ismail , Sejarah Malaysia 1400--1963 , Utusan Publications & Distributions , K.Lumpur , 1975.
3. Nakhaie Hj. Ahmad , Sejarah Kelahiran Harakah Ishamiyyah di Tanahair , dalam Buku Cenderamata Nuktamar Tahunan PAS - ke. 33 , 1987 .
4. Ibid .
5. Ibid .
6. A.K. Hidayat , PAS 1951.- 1991 (Tercabar- Mencabar) , 1986 , hal. 4 .

7. Ibid .
8. Lotfi Ismail , op . cit .
9. Nabir Abdullah , Ma'ahad li Ihya' ash Sharif Gunung Semanggol 1934-59 , Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia , Kuala Lumpur , 1976 . hal 78.
10. R.S. Milne , Government And Politics In Malaysia , Federal Publications , Singapore , 1978 , hal 34.
11. Nakhaie Hj. Ahmad , op.cit .
12. Ibid .
13. Othman Hamzah (Allahyarham) , Sejarah Ringkas Penuh buhan PAS , dalam Al-Ummah , keluaran 18 April 1989,hal hal. 4.
14. Ibid .
15. Nakhaie Hj. Ahmad , op.cit .
16. Nabir Abdullah , op.cit .
17. Halim Mahmood , Asri Dalam Dilema , 1983, hal. 32.
18. Othman Hamzah , op.cit .
19. Halim Mahmood , op.cit .
20. Nabir Abdullah , op.cit.hal 209 .
21. Halim Mahmood , op.cit, hal 33 .
22. Othman Hamzah , op.cit .
23. Nakhaie Hj. Ahmad , op.cit .
24. Ucapan Dr. Burhanuddin AlHelmi di Muktamar Agung PAS yang ke 9 , 1960 .
25. Ibid .

26. Surah Al-Imran , ayat 104 .
27. Dr. Yusuf al-Qardhawi , Harakah Islamiyyah Satu Tuntutan terjemahan Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin , Selangor ; Dewan Pustaka Fajar , 1983 . hal. 1.
28. Ucapan dasar Dr. Burhanuddin AlHelmi di Muktamar Agung PAS ke 6 , 24 Ogos 1957 .
29. Perlembagaan PAS , fasal 6 .
30. Ucapan dasar Yusuf Rawa , Yang Di Pertua PAS Pusat di Muktamar Agung PAS ke 33 , 1984 .
31. Ibid .
32. Perlembagaan PAS , fasal 3 .
33. A.K Hidayat , op.cit. hal. 27 .
34. Ibid .
35. Perlembagaan PAS , fasal 7 (3) .
36. Fasal 75 , Perlembagaan PAS : Majlis Syura Ulamak, menurut kuasa yang diperuntukkan kepadanya dalam fasal 7 (3),(c) Perlembagaan ini adalah diberi kuasa melantik semua ahli-ahli Jawatankuasa Tatatertib dari semasa ke semasa. Kuasa Jawatankuasa Tatatertib ini ialah, memberi amaran , melucutkan hak-hak dalam parti , mengantungkan keahlian dan memecat dari menjadi ahli... Majlis Syura Ulamak dalam keadaan tertentu adalah berhak mengambil apa-apa keputusan dan tindakan tatatertib ke atas mana-mana ahli PAS...Keputusan dan tindakan Majlis Syura Ulamak itu adalah Muktamat.
37. Jika konsep ini dapat dikalsanakan sepenuhnya di dalam parti, bukan sahaja tahap disiplinnya tinggi , tetapi juga akan kedapatan kepaduan yang kukuh dan ukhuwah yang tinggi dan berprinsip .